

17/11/2001

Pemuda minta diperhalusi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemuda Barisan Nasional (BN) berharap keputusan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula gabungan itu bukan kerana kepentingan individu tertentu atau `ada udang di sebalik batu'.

Justeru, Pengerusinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata permohonan itu perlu diteliti dan dinilai terlebih dahulu, selain mengambil kira semua aspek kerana PBS selama ini tidak menunjukkan sikap politik yang konsisten.

"Sehubungan itu, Pemuda BN menggesa supaya PBS membuktikan terlebih dulu keikhlasannya terhadap BN seperti yang dikatakan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keputusan sama ada menerima PBS perlu diperhalusi, terutamanya pandangan daripada parti komponen lain di Sabah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

(END)